

15 FEB 1999

Tentera-Anasir (Bergambar)

TENTERA BERSEDIA HADAPI PIHAK GUGAT KEAMANAN NEGARA

KOTA BAHARU, 15 Feb (Bernama) -- Pasukan tentera sentiasa bersedia untuk menentang mana-mana anasir dari dalam dan luar negara yang cuba menggugat keharmonian dan kemakmuran yang dinikmati rakyat, kata Panglima Tentera Darat Jen Datuk Md Hashim Hussien.

Beliau berkata pasukan tentera yang bertugas secara profesional sebagai benteng pertahanan negara mempunyai anggota yang terlatih, berpakaran tinggi dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.

"Sudah tentu kita boleh mengawal kerana jika dilihat daripada sudut tentera yang menjadi benteng negara, kita adalah profesional," katanya kepada pemberita selepas melawat Briged Kelapan di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan percubaan pihak tertentu dari dalam dan luar negara untuk terus melaga-lagakan kaum-kaum di negara ini supaya rusuhan berlaku dan kemajuan negara terhalang.

Md Hashim tidak menolak adanya pihak-pihak tertentu yang cuba menggugat keharmonian kaum dan kemakmuran di negara ini.

"Kalau kita dalam keadaan tenteram...saya ingat ramai yang tidak begitu suka kerana mereka lebih suka kita berpecah belah," katanya.

Beliau berkata, kejayaan dan nama baik Malaysia yang sering disebut-sebut di peringkat antarabangsa telah menimbulkan rasa iri hati oleh pihak luar.

"Saya telah lama bertugas di luar negara. Malaysia sentiasa disebut orang atas kejayaannya jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini," katanya.

Md Hashim juga berkata tentera darat sedang meningkatkan penggunaan peralatan berteknologi tinggi di kalangan anggotanya sebagai persediaan memasuki zaman yang lebih mencabar.

Selain itu, pasukan tentera darat akan meningkatkan kerjasama dengan pasukan keselamatan lain termasuk polis untuk mengawal sempadan daripada dibolosi pendatang asing, katanya.

-- BERNAMA

BD AKD